


# KAPAL KECILKU

Innovation Learning Centre



Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)





# BAHAN-BAHAN



- ✗ Kotak ajaib
- ✗ Model kapal laut / bot
- ✗ Lego pelbagai saiz dan warna

# **TITIK MULA**



1. Kanak-kanak dan guru bersoal jawab tentang apakah benda yang sedang dipegang oleh guru?
2. Ada yang sebut, "Itu kotak hadiah la cikgu"
3. Guru memuji jawapan dari kanak-kanak dan menyatakan bahawa kotak tersebut adalah sebuah kotak ajaib,
4. Sambil menggoyangkan kotak ajaib, kanak-kanak ditanya pula apakah isi di dalam kotak tersebut?
5. Guru kemudian menunjukkan benda yang terdapat di dalam kotak sebut adalah sebuah model kapal laut / bot



# SOAL JAWAB



1. Kanak-kanak ditanya apakah jenis-jenis kenderaan di air yang lain yang mereka tahu selain kapal laut dan bot?
2. "Feri cikgu!" kata Aiman, Fauzana pula menjawab "Sampan cikgu!" manakala Humairah menjawab "Kapal selam cikgu!"
3. Kanak-kanak dioberikan pujian dan tepukan kerana berani serta berjaya menjawab soalan cikgu dengan betul.
4. Murid dipecahkan kepada 3 kumpulan kecil dan setiap kumpulan diminta untuk menghasilkan sebuah model samada kapal laut/ bot/ feri (murid bebas memilih salah satu jenis kenderaan di air)

# PEMBAHAGIAN KUMPULAN



1. Murid dipecahkan kepada 3 kumpulan kecil dan setiap kumpulan diminta untuk menghasilkan sebuah model samada kapal laut/ bot/ feri (murid bebas memilih salah satu jenis kenderaan di laut)
2. Kanak-kanak diagihkan dengan permainan lego untuk setiap kumpulan dan guru meminta mereka membina model kenderaan di air secara bekerjasama mengikut kreativiti kumpulan masing-masing
3. Setiap kumpulan diminta berbincang terlebih dahulu sebelum memutuskan apakah jenis kenderaan di air yang ingin dibina





# PILIHAN JENIS KENDERAAN DI AIR



1. Kanak-kanak mula membina model kenderaan di air bersama ahli kumpulan masing-masing.
2. Kumpulan Iskandar memilih untuk membina sebuah Feri, kumpulan Putri Zahrah pula memilih untuk membina sebuah kapal laut manakala kumpulan Haiman memilih untuk membina sebuah bot laju.
3. Kanak-kanak berkongsi idea dan mula membentuk binaan model kenderaan di air masing-masing dengan bimbingan guru



# FERI COMELKU



1. Kanak-kanak digalakkan untuk bekerjasama dengan membina dasar ataupun tapak lego terlebih dahulu
2. Adik Iskandar dan Rayyan memilih tapak yang sesuai untuk membina model feri kumpulan mereka.
3. Adik Azril, Humairah dan Aisyah pula bertindak untuk memilih blok-blok yang sesuai untuk membina badan feri mereka
4. Setiap ahli kumpulan memberikan kerjasama dan idea bagi pembinaan feri mereka



# KAPAL LAUT COMELKU



1. Adik Putri memilih lego berbentuk panjang dan meletakkan di bahagian paling bawah
2. Adik Fathia, Iman dan Ashraf memilih blok bersaiz sederhana dan besar dalam kuantiti yang agak banyak untuk membentuk badan kapal laut mereka
3. Adik Fathia dan Iman Fatimah meletakkan blok secara menegak ke atas untuk membentuk periskop kapal laut

# BOT LAJU COMELKU



1. Adik Madrasyah dan ahli kumpulannya memilih untuk membina sebuah bot laju yang comel
2. Adik Izati berkata bot comel ini boleh digunakan untuk membawa mereka bersiar-siar ke pulau yang cantik
3. Adik Ashraf, Andik dan Nursiya Hamidah pula memilih blok-blok bersaiz kecil dan berwarna warni untuk dijadikan badan bot agar dapat menghasilkan sebuah bot yang comel



# HASIL KERJA KANAK-KANAK



Kumpulan 1 : Feri



Kumpulan 2 : Kapal Laut



Kumpulan 3 : Bot laju